

30 JUN 2003

MGCC-EKSPORT/I

MGCC UNJUR SAKSI LEBIH BANYAK EKSPORT M'SIA KE JERMAN

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Jerman berharap untuk menyaksikan lebih banyak eksport Malaysia ke negara berkenaan berkembang antara 3.0 peratus dan 4.1 peratus pada akhir tahun ini, kata pengarah eksekutif Dewan Perniagaan Malaysia-Jerman (MGCC), Dr Rainer Herret hari ini.

"Ekoran wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS) dan perang di Iraq, perdagangan Jerman-Malaysia tidak begitu menguntungkan pada separuh pertama tahun ini, bagaimanapun kami berharap untuk menyaksikan pertumbuhan dalam eksport ke Jerman antara 3.0 dan 4.1 peratus pada akhir tahun ini," kata beliau selepas mesyuarat agung tahunan MGCC di sini.

Dr Herret berkata industri elektrik dan mekanikal Malaysia, terutamanya, perlu mengambil kesempatan terhadap pengukuhan euro untuk mengeksport barangan mereka ke seluruh Eropah, kerana terdapat permintaan yang kukuh bagi barang berkenaan di sana.

Hari ini, euro ditutup pada 4.3424/3447 daripada 4.3440/3466 ringgit pada Jumaat.

Dr Herret berkata MGCC juga mengambil kesempatan terhadap pakej ekonomi berjumlah RM7.3 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas untuk menjadikan sebagai satu insentif untuk menarik ahli perniagaan Jerman mendirikan perniagaan di Malaysia.

Beliau berkata secara asasnya, tujuan utama MGCC ialah untuk menarik ahli perniagaan Jerman untuk meneroka pasaran Malaysia dan sebaliknya. --
BERNAMA

TMM FR NHD